



26 Februari 2018
26 February 2018
P.U. (A) 58

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PEMEGANG PAJAK GADAI (PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2018

PAWNBROKERS (COMPOUNDING OF OFFENCES) REGULATIONS 2018

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PEMEGANG PAJAK GADAI 1972

**PERATURAN-PERATURAN PEMEGANG PAJAK GADAI
(PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2018**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 45(2)(e) Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 [Akta 81], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pemegang Pajak Gadai (Pengkompaunan Kesalahan) 2018.**

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Mac 2018.

Kesalahan yang boleh dikompaun

2. (1) Kesalahan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaun.

(2) Kesalahan yang boleh dikompaun itu boleh dikompaun dengan persetujuan Pendakwa Raya dalam Borang 1 Jadual Kedua.

Tawaran dan penyetujuterimaan kompaun

3. (1) Suatu tawaran untuk mengkompaun kesalahan hendaklah dibuat dalam Notis Tawaran untuk Mengkompaun Kesalahan dalam Borang 2 Jadual Kedua.

(2) Seseorang yang menyetuju terima tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan yang boleh dikompaun hendaklah menyetuju terima tawaran itu dalam Borang 3 Jadual Kedua.

Cara mengkompaun

4. (1) Apabila menerima maklumat atau aduan bahawa suatu kesalahan yang boleh dikompaun telah dilakukan, Pendaftar atau mana-mana Inspektor yang diberi kuasa secara khusus dengan bertulis dengan nama atau jawatan bagi maksud itu oleh

Pendaftar boleh mengeluarkan suatu Notis Tawaran untuk Mengkompaun Kesalahan dalam Borang 2 Jadual Kedua.

(2) Tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan adalah bagi tempoh empat belas hari, dan jika pembayaran penuh bagi jumlah yang ditawarkan itu dibuat pada atau sebelum habis tempoh empat belas hari itu, tiada prosiding selanjutnya boleh diambil terhadap orang yang telah melakukan kesalahan itu.

(3) Jika tiada pembayaran bagi kompaun yang telah ditawarkan itu dibuat pada atau sebelum habis tempoh yang dinyatakan dalam subperaturan (2), pendakwaan boleh dimulakan tanpa notis selanjutnya.

Pembayaran kompaun

5. (1) Jika suatu tawaran untuk mengkompaun kesalahan disetuju terima oleh orang yang kepadanya tawaran itu dibuat, dia boleh membayar kompaun itu—

(a) secara tunai dan bayaran itu hendaklah diserahkan sendiri kepada Pendaftar;

(b) melalui kiriman wang, kiriman wang pos, pesanan juruwang, pesanan bank atau draf bank yang kena dibayar kepada Pendaftar dan dipalang dengan perkataan “Akaun Penerima Sahaja”; atau

(c) melalui pemindahan wang secara elektronik.

(2) Jika pembayaran dibuat di bawah perenggan (1)(b), ia hendaklah diserahkan sendiri kepada Pendaftar atau dihantar melalui pos berdaftar ke alamat yang dinyatakan dalam Notis Tawaran untuk Mengkompaun Kesalahan dalam Borang 2 Jadual Kedua.

(3) Pendaftar hendaklah mengeluarkan suatu resit rasmi bagi setiap pembayaran yang diterima di bawah subperaturan (1) kepada orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun kesalahan itu telah dibuat.

(4) Suatu resit rasmi yang dikeluarkan bagi maksud subperaturan (3) hendaklah termasuk apa-apa resit elektronik jika pembayaran dibuat melalui pemindahan wang secara elektronik.

JADUAL PERTAMA
[Subperaturan 2(1)]

KESALAHAN YANG BOLEH DIKOMPAUN

Kesalahan yang berikut ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaun:

- (a) kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 seperti yang berikut:
- (i) subseksyen 10c(2);
 - (ii) subseksyen 11D(3);
 - (iii) subseksyen 13A(3);
 - (iv) subseksyen 16(4);
 - (v) subseksyen 17(2);
 - (vi) subseksyen 18(2);
 - (vii) subseksyen 23(4);
 - (viii) subseksyen 25(3); dan
 - (ix) subseksyen 26(4); dan
- (b) kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah Peraturan-Peraturan Pemegang Pajak Gadai (Kawalan dan Pelesenan) 2004 [P.U. (A) 317/2004] seperti yang berikut:
- (i) subperaturan 6(6);
 - (ii) subperaturan 6(11);
 - (iii) subperaturan 7(4);
 - (iv) subperaturan 8(4);
 - (v) subperaturan 14(2);
 - (vi) subperaturan 21(2); dan
 - (vii) subperaturan 22(2).